



**IBU PEJABAT:** Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646-K)  
Tingkat 26, Blok Annexe, Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur  
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur

**W** takaful-malaysia.com.my  
**T** 1-300 8 TAKAFUL (825 2385)  
**F** 603-22740237  
**E** csu@takaful-malaysia.com.my

## TAKAFUL *mySME* PARTNER BORANG CADANGAN DAN DEKLARASI (BORANG A)

### Nota Penting :

- Di bawah Seksyen 141 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda perlu menjawab kesemua soalan yang terdapat di dalam Borang Cadangan dan Deklarasi Takaful *mySME* Partner ini dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu yang berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika tidak, ia akan menyebabkan pembatalan kontrak, penolakan tuntutan atau perubahan syarat-syarat. Kewajipan pendedahan ini akan berterusan sehingga masa kontrak itu dimeterai, diubah atau diperbaharui. Anda juga bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dan membuat pendedahan tersebut.
- Anda dinasihatkan untuk mengkaji helaian penerangan produk dan material pemasaran bagi manfaat pelan dan memberi perhatian kepada manfaat yang dijamin atau tidak dijamin dan tugas anda sebagai Pemilik Sijil Induk. Adalah wajib bagi Pegawai Jualan / Ejen / Broker Takaful Malaysia untuk menyediakan salinan helaian penerangan produk kepada anda sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.
- Anda bebas untuk menyertai atau tidak menyertai mana-mana produk yang terkandung dalam Borang Cadangan dan Deklarasi Takaful *mySME* Partner ini.
- Bukti umur dikehendaki sebelum bayaran manfaat di bawah pelan ini dibayar.
- Kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada garis panduan dan penilaian pengunderaitan, atau kriteria lain yang boleh dikenakan oleh Takaful Malaysia mengikut budi bicaranya dari masa ke semasa. Setelah dokumen lengkap diterima (termasuk semua dokumen tambahan yang diperlukan setelah penilaian pengunderaitan dibuat (jika ada)), sijil akan dikeluarkan di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas permohonan borang cadangan ini diterima oleh Takaful Malaysia.

**ARAHAN:** Sila isi borang ini dengan menggunakan **HURUF BESAR** dan tandakan (✓) pada petak yang berkenaan. Gunakan **DAKWAT HITAM** sahaja.

### NOTA PENTING :

Menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Perolehan daripada Aktiviti Haram 2001 dan garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Syarikat dikehendaki mengesahkan identiti pelanggannya. Sekiranya bukti pengenalan tidak diberikan secukupnya, permohonan ini mungkin tidak diterima.

### BAHAGIAN 1: MAKLUMAT SYARIKAT

Nama Majikan																															
No. Lesen Perniagaan/ Pendaftaran Syarikat											Jenis Perniagaan																				
Alamat Majikan																													Poskod		
Pegawai yang Dibenarkan untuk dihubungi & Jawatan ( 1 )																															
Alamat Emel																No. Tel															
Pegawai yang Dibenarkan untuk dihubungi & Jawatan ( 2 )																															
Alamat Emel																No. Tel															

### BAHAGIAN 2: FAEDAH-FAEDAH TAKAFUL

Sila tanda (✓) untuk pelan-pelan atau manfaat-manfaat yang diambil.

- |   |  |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> Takaful Perubatan Berkelompok                | <input type="checkbox"/> Takaful Bertempoh Berkelompok                                   |
| <input type="checkbox"/> Kemasukan Ke Hospital & Penjagaan Pembedahan | <input type="checkbox"/> Kematian, Keilatan Menyeluruh dan Kekal & Keilatan Separa Kekal |
| <input type="checkbox"/> Rawatan Pesakit Luar                         | <input type="checkbox"/> Penyakit Kritikal   |

### BAHAGIAN 3: BUTIR-BUTIR PERLINDUNGAN DAN BAYARAN

- i. Tempoh Takaful Dari 

h	h	/	b	b	/	t	t	t	t
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

 Hingga Tengah Malam 

h	h	/	b	b	/	t	t	t	t
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---
- ii. Pembayaran caruman hendaklah dibuat secara tahunan.

### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

#### JENIS PERMOHONAN

- Permohonan Baru  
 Pembaharuan

#### SALURAN

- Ejen Korporat  
 Terus Korporat  
 Broker Korporat  
 Lain-lain \_\_\_\_\_

#### BAHAGIAN 4: AKUAN / KEBENARAN DAN AQAD

- i. Saya, mengakui dan mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, pernyataan yang terkandung di dalam borang ini adalah benar dan tepat serta saya tidak menyembunyikan, member gambaran atau kenyataan yang salah mengenai sebarang maklumat yang penting.
- ii. Saya dengan ini mengakui bahawa faedah perubatan yang dilampirkan kepada permohonan ini adalah tertakluk kepada 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).
- iii. Caruman & Caj  
Saya dengan ini melantik Takaful Malaysia di bawah kontrak Wakalah ini untuk mengurus dan melaburkan caruman saya dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia yang selaras dengan Syariah. Saya dengan ini mengakui dan membenarkan Takaful Malaysia untuk menguruskan caruman saya dengan cara berikut:
  - a. Untuk memotong peratusan tertentu daripada caruman sebagai Yuran Wakalah untuk Takaful Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Yuran Wakalah di bawah; dan
  - b. Untuk mengkredit baki caruman tersebut sebagai Tabarru' ke dalam Akaun Takaful Keluarga Berkelompok ("ATKB").
- iv. Jadual Yuran Wakalah  
Yuran Wakalah: 40% daripada caruman  
Takaful Malaysia akan mengenakan caj untuk yuran wakalah sehingga peratus (%) yang tertera di atas. Untuk caj sebenar yuran wakalah, sila rujuk kepada Sebut Harga.
- v. Lebih dan Defisit  
Saya dengan ini mengizinkan dan mengakui bahawa sebarang lebih daripada ATKB akan ditentukan dan diedarkan mengikut budi bicara tunggal dan mutlak Takaful Malaysia. Pengagihan lebih adalah tidak dijamin dan hendaklah mengambil kira kedudukan lebih keseluruhan ATKB. Lebih akan diagihkan dalam bentuk Pengalaman Pengembalian kepada Peserta yang layak yang mempunyai pengalaman tuntutan yang baik, di mana jumlah Pengalaman Pengembalian (jika ada) yang diedarkan kepada setiap Peserta hendaklah bergantung kepada pengalaman tuntutan keseluruhan sijil yang layak. Sebarang lebih yang tidak diagihkan akan disimpan dalam ATKB sebagai peruntukan bagi apa-apa tuntutan yang tidak dijangka. Tiada pengagihan lebih kepada Takaful Malaysia. Kriteria kelayakan, dan terma dan syarat lain bagi Pengalaman Pengembalian juga dinyatakan dalam Sebut Harga.  
Jika ATKB mengalami defisit, dan jika tiada cara lain, pinjaman tanpa faedah daripada Takaful Malaysia berdasarkan Qardh akan dibuat. Qardh akan dibayar balik apabila pulangan ATKB mendapat keuntungan dan sebelum sebarang lebih diagihkan.
- vi. Bayaran Untuk Amaun Kecil  
Saya dengan ini bersetuju bahawa Takaful Malaysia akan menyumbangkan sebarang amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar kepada saya termasuk tetapi tidak terhad kepada amaun dari tuntutan dan pembatalan yang kurang daripada Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25.00) untuk badan kebajikan yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah Takaful Malaysia. Walaubagaimanapun, sekiranya saya memutuskan sebaliknya, saya mesti membuat permohonan rasmi kepada Takaful Malaysia.
- vii. Saya bersetuju bahawa semua maklumat peribadi saya yang diberi kepada Takaful Malaysia di dalam borang ini adalah diberi dengan persetujuan saya untuk ianya disimpan, diproses dan didedahkan oleh Takaful Malaysia kepada pihak ketiga yang perlu untuk pemprosesan permohonan ini dan apa-apa tuntutan yang mungkin berlaku. Saya faham dimana saya boleh mengakses, meminda atau menghadkan pemprosesan maklumat peribadi saya dengan menghubungi Pusat Perkhidmatan Takaful Malaysia.
- viii. Saya mengaku bahawa semua terma-terma dan ciri-ciri produk telah dijelaskan sepenuhnya kepada saya dan saya memahami sepenuhnya makna terma-terma dan ciri-ciri tersebut.

**Aqad ini adalah sebahagian daripada kontrak takaful.**

#### Tandatangan yang dibenarkan untuk dan bagi Syarikat

Tandatangan Saksi _____	Tandatangan _____
Nama Saksi _____	Nama _____
Jawatan _____	Jawatan _____
Tarikh _____	Tarikh _____

**Cop Rasmi Syarikat**

#### BAHAGIAN 5: DEKLARASI OLEH PEGAWAI JUALAN / EJEN / BROKER TAKAFUL MALAYSIASI

- i. Saya dengan ini mengakui bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam borang ini merupakan satu-satunya maklumat yang diberikan kepada saya oleh Pemilik Sijil Induk yang Dicadangkan dan saya tidak menyembunyikan apa-apa maklumat lain yang mempengaruhi penerimaan permohonan ini oleh Takaful Malaysia.
- ii. Saya telah menyediakan salinan helaian penerangan produk berserta dengan borang ini kepada Pemilik Sijil Induk yang Dicadangkan.
- iii. Saya tidak pernah membuat apa-apa pernyataan, representasi atau janji kepada Orang Yang Dilindungi / Pemilik Sijil Induk yang Dicadangkan yang bertentangan dengan dan / atau menyalahfahsirkan terma-terma sijil. Tambahan pula, saya tidak bertindak atau menjalankan sendiri dengan apa-apa cara yang boleh menyalahnyata terma-terma sijil.
- iv. Bagi mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Perolehan daripada Aktiviti Haram 2001 di bawah Seksyen 16 (2), saya mengesahkan bahawa:-
  - a. Di mana seseorang itu ialah individu, saya telah meneliti myKad asal atau Pasport yang sah dan mengesahkan identiti dan butir-butir Pemilik Sijil Induk yang Dicadangkan; atau
  - b. Di mana seseorang itu adalah badan korporat / kelab / pertubuhan / amal, saya telah meneliti dan mengenal pasti keseluruhan dokumen asal; dan telah mengesahkan pemilik benefisial dan butir-butir Pemilik Sijil Induk yang Dicadangkan.

Tandatangan _____	Pengantara Kod _____
Nama _____	Alamat E-mel _____
Jawatan _____	Alamat Pejabat _____
Tarikh _____	_____